

## Governans Kelestarian dalam Pengurusan Ekopelancongan di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Pengalaman di Paya Indah Wetlands

Mohamad Fauzi bin Mohamad Saruman (P81305)

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

**Pernyataan Masalah:** Ekopelancongan mampu memberikan hasil kepada negara serta membuka peluang pekerjaan khususnya kepada masyarakat setempat. Ia amat berpotensi untuk dimajukan di Malaysia yang kaya dengan sumber hutan, tanah tinggi, tasik, sungai dan laut. Antara agensi kerajaan yang terlibat dalam pengurusan ekopelancongan di Malaysia ialah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Tourism Malaysia. **Objektif:** Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pihak berkepentingan dalam memajukan ekopelancongan di Semenanjung Malaysia, menganalisis peranan dan kerjasama yang dijalankan, menghuraikan peranan dan kerjasama yang dilakukan serta membangunkan satu Model Kerjasama yang ideal dalam aspek governans kelestarian ekopelancongan. **Metodologi:** Skop Kajian kes dijalankan di Paya Indah Wetlands (PIW). Governans kelestarian yang dikaji tertumpu kepada jenis hierarki, pasaran dan rangkaian. Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen primer (akta, undang-undang, peraturan, SOP dan Pelan) serta dokumen sekunder (temubual dengan pegawai utama yang terlibat membuat dasar di agensi kerajaan). Data diperolehi dianalisis menggunakan NVIVO 11. **Kesimpulan:** Jangkaan hasil kajian ialah mengetahui jenis governans kelestarian yang digunakan oleh pelbagai pihak berkepentingan dalam pengurusan ekopelancongan di Semenanjung Malaysia serta sama ada menggunakan satu, kombinasi dua atau pun kombinasi tiga jenis governans kelestarian.